

# UMNO Selangor, NS hantar jentera pilihan raya ke Batu Talam

UM - 11/1/2007  
SHAH ALAM 10 Jan. - UMNO Selangor akan menghantar seramai 2,000 hingga 4,000 anggotanya sebagai jentera penggerak menjelang pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Talam, Pahang.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo, berkata, kesemua anggota tersebut akan ke Batu Talam selepas sahaja penamaan calon berlangsung pada 16 Januari ini.

"Kita akan menggunakan mekanisme seorang ejen untuk seorang pengundi.

Jentera UMNO Selangor adalah yang paling kuat, jadi kita yakin akan dapat membantu DUN Batu Talam," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di sini, hari ini.

Kerusi DUN Batu Talam kosong berikutan wakil rakyatnya Datuk Tengku Paris Tengku Razlan meninggal dunia kerana barah paru-paru dan usus pada 27 Dis. lepas.

Pada pilihan raya umum 2004, Tengku Paris memperoleh 5,414 undi mengalahkan

calon PAS, Dr. Mohamed Nilam Abdul Manap yang meraih 2,653 undi.

Suruhanjaya Pilihan Raya menetapkan 16 Januari ini sebagai hari penamaan calon dan 28 Jan. bagi pengundian sekira-

nya ada pertandingan.

Sementara itu di SEREMBAN, Pemuda UMNO Negeri Sembilan akan menghantar 400 anggotanya bagi membantu jentera pilihan raya BN di Batu Talam.

Ketuanya, Datuk Jamlus Aziz berkata, rombongan pergerakan Pemuda UMNO Negeri Sembilan akan bertolak ke Batu Talam Isnin ini.

"Mereka akan menjaga peti undi Saga

bersama-sama UMNO Bentong. Exco Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Rezal Merican Naina Merican akan menyelaras kempen BN di kawasan itu," katanya hari ini.

- Bernama